

30 JUN 1996
Yong-Mahathir
KABINET SABAH TEMUI DR MAHATHIR ESOK

KOTA KINABALU, 30 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee akan mengetuai rombongan seluruh Kabinet negeri untuk bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara esok.

Menurut Yong yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri, pertemuan itu bagi membincangkan beberapa isu di Sabah termasuk perkara keselamatan dan projek pembangunan yang dibiayai Kerajaan Persekutuan di negeri ini.

Turut dalam pertemuan itu ialah dua menteri Persekutuan dari Sabah iaitu Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat.

"Pertemuan ini diminta oleh kerajaan negeri tidak lama dulu dan kita akan membincangkan beberapa isu semasa termasuk perkara keselamatan dan projek-projek pembangunan Persekutuan di Sabah," katanya kepada pemberita pada satu majlis gotong-royong anjuran Parti Maju Sabah (SAPP) di Taman Teck Guan di sini, hari ini.

Yong juga berkata Jawatankuasa Keselamatan Negeri dijangka mengemukakan satu dasar atau formula bagi mengatasi masalah kehadiran ramai pendatang tanpa izin di negeri ini, dalam masa tiga bulan dari sekarang.

Kerajaan negeri juga mengalu-alukan kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub baru-baru ini bahawa "Ops Nyah" akan diperluaskan ke Sabah bagi membendung isu pendatang tanpa izin itu.

Kerajaan negeri berharap beberapa kakitangan yang mengendalikan Pusat Tahanan Pelarian Vietnam di Sungai Besi yang baru sahaja ditutup dapat ditugaskan di Sabah bagi mengurus perkara yang serupa, katanya. --BERNAMA

KG PR